
E-BUKU PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN KALI KE-26

1. PENYERTAAN KONVOKESYEN PIS KALI KE-26 (KONVO 26).

1.1 Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen dan tuntutan Ijazah Sarjana Muda / Diploma/ Sijil hanya sah setelah menyempurnakan perkara-perkara berikut:-

- i. Menjelaskan bayaran penyertaan Majlis Konvokesyen.
- ii. E-mail “**Borang Jawapan Graduan**” sebelum atau pada **14 Mac 2022 (Isnin)** atau *by hand* ke pejabat JHEP.
- iii. Graduan yang masih berhutang atau belum menjelaskan saman, **boleh menyertai** Majlis Konvokesyen tetapi transkrip/ sijil akan ditahan oleh Unit Peperiksaan sehingga bayaran dijelaskan.

Nota :

*Perkara (ii) di atas adalah wajib bagi **semua graduan** sama ada hadir atau tidak ke Majlis Konvokesyen kali ke-26. Kegagalan graduan berbuat demikian boleh mengakibatkan pengurusan transkrip/sijil graduan akan terganggu.*

1.2 Graduan yang hadir **WAJIB** mengikuti sesi berikut :-

- 1.2.1 Pendaftaran Graduan.
- 1.2.2 Raptai Konvokesyen (**secara atas talian**).
- 1.2.3 Majlis Konvokesyen.

1.3 Semua graduan **WAJIB** membuat ujian RTK-Ag sendiri, **sehari sebelum pendaftaran graduan**. Sila *upload* keputusan ujian **RTK-Ag** dan **status vaksinasi Mysejahtera** melalui link di (**Lampiran B**).

1.4 Bagi **Graduan atau ibubapa/ penjaga yang didapati positif atau kontak rapat positif yang bergejala/ tidak bergejala** adalah tidak dibenarkan hadir ke majlis Konvokesyen.

2. BAYARAN KONVOKESYEN KE- 26

- i. Kadar bayaran konvokesyen kali ke-26 ialah:-
 - a. RM 250.00 (**hadir**)
 - b. RM 200.00 (**tidak hadir**).

- ii. Pembayaran boleh dibuat **melalui akaun BANK ISLAM** dengan No. akaun : **0108-7010-0191- 47** atas nama **AKAUN KONVO PIS**.
(Sila gunakan **Perbankan Internet** iaitu kaedah **Duitnow@instant transfer**).

WAJIB tuliskan dalam slip bank pada bahagian,

ref. 1 : **No. Matrik Pelajar** dan,

ref. 2 : **No Kad Pengenalan Pelajar**.

Nota : Pembayaran melalui mesin **ATM** atau **Cash Deposit Machine (CDM)** **tidak dibenarkan**.

- iii. Resit bayaran dan **borang jawapan graduan*** sila e-mail ke :
piskonvo@gmail.com
(*Nota : Saiz jubah perlu ditanda bagi yang **hadir**)

- a. **Bukti slip pembayaran Bank**

Sediakan **2 Salinan** slip pembayaran bagi proses pengesahan semasa :-

- i. **Pendaftaran**

- ii. **Pengambilan Jubah.**

3. PENDAFTARAN GRADUAN

- 3.1 Graduan perlu membuat proses Pendaftaran graduan sebelum acara raptai bermula.
- 3.2 Tanpa pendaftaran, graduan tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.
- 3.3 Jadual Pendaftaran graduan adalah seperti berikut :-

Jabatan	Tarikh & Hari	Masa	Tempat
JPH	18 Mac 2022 (Jumaat)	Pendaftaran 8.30 a.m – 12.00 p.m	Dataran JHEP
JKM	19 Mac 2022 (Sabtu)		
JKE	20 Mac 2022 (Ahad)		
JRKV	21 Mac 2022 (Isnin)		

4. RAPTAI KONVOKESYEN

- 4.1 Raptai Majlis Konvokesyen Kali Ke-26 adalah **secara atas talian** (**link akan diberikan semasa pendaftaran**). Oleh itu semua gaduan perlu melihat video raptai bagi memastikan kelancaran dan mematuhi protokol Majlis Konvokesyen..

5. MAJLIS KONVOKESYEN

- 5.1 Semua graduan dikehendaki mendaftar di Jabatan Hal Ehwal Pelajar atau tempat yang akan ditentukan.
- 5.2 Graduan dikehendaki hadir **30 minit lebih awal** sebelum waktu perarakan masuk ke Dewan bagi mengelakkan dari dihalang menyertai Majlis Konvokesyen.
- 5.3 Semasa majlis berlangsung, graduan, ibubapa atau penjaga dikehendaki menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol majlis.
- 5.4 Graduan, ibubapa atau penjaga dilarang meninggalkan dewan sebelum atau semasa Majlis Konvokesyen belum selesai.
- 5.5 Tempat duduk adalah terhad, sila tunjukkan “**Pas Masuk Majlis Konvokesyen**”. Hanya dibenarkan untuk **dua (2) orang dewasa (ibubapa)** sahaja.
- 5.6 Suhu dewan konvokesyen adalah sejuk, **ibubapa atau penjaga digalakkan untuk berpakaian sopan dan kemas** yang bersesuaian dengan majlis.

5.7 Jadual penerimaan skrol mengikut jabatan dan kursus.

Jabatan	Sesi	Kursus	Catatan
JPH 19 Mac 2022 (Sabtu)	Pagi	BTH DEV DUP	Tempat berkumpul Graduan Dataran JHEP / Perpustakaan Sesi pagi 7.30 pagi Sesi petang 2.00 petang
	Petang	DHM KHK	
JKM 20 Mac 2022 (Ahad)	Pagi	DKM DMB	
	Petang	DEM DTP	
JKE 21 Mac 2022 (Isnin)	Pagi	DJK DEP	
	Petang	DEE	
JRKV 22 Mac 2022 (Selasa)	Pagi	BVC DRG DRI	
	Petang	KRG KFP DAK DFP	

6. SAHSIAH DAN RUPADIRI GRADUAN

6.1 Sahsiah Dan Rupadiri Semasa Pendaftaran Dan Acara Raptai

- 6.1.1 Semua graduan mesti berpakaian kemas dan menampilkan perwatakan menarik, matang, sopan serta bersesuaian.
- 6.1.2 Graduan **DILARANG TEGAS** memakai seluar jenis ***“jeans”***, ***selipar***, ***capal*** dan ***‘T-shirt’ tanpa kolar*** semasa hadir mendaftar dan raptai.
- 6.1.3 Graduan lelaki hendaklah berambut pendek dan graduan wanita Islam hendaklah menutup aurat (bertudung) atau bagi yang bukan beragama Islam, rambut disisir rapi, kemas dan **tidak diwarnakan**.

6.2 Etika Berpakaian Semasa Majlis Konvokesyen.

A. Graduan Lelaki.

- 6.2.1 Graduan beragama Islam **digalakkan** berpakaian kebangsaan lengkap berwarna hitam (songkok, baju, seluar, berbutang, samping serta kasut kulit berwarna hitam), atau
- 6.2.2 Baju kemeja lengan panjang berwarna putih, berseluar *‘slack’ hitam* / gelap dan bertali leher. Pemakaian Blazer adalah diwajibkan.
- 6.2.3 Graduan kaum ***Sikh*** dibenarkan memakai ***‘turban’***.

Hanya turban yang **berwarna hitam** dibenarkan.

6.2.4 Graduan **tidak** dibenarkan memakai **tali bow (bowtie)**.

6.2.5 **Berambut pendek, kemas dan tidak diwarnakan.**



Gambar 1 : Rupa diri, pakaian dan rambut graduan lelaki.

B. Graduan Wanita.

6.2.6 Graduan Wanita dibenarkan memakai Baju Kurung atau Kebaya Labuh warna bebas. Bagi graduan wanita beragama Islam hendaklah mengenakan **tudung** berwarna **krim atau putih**. Pakaian perlu bersesuaian dengan protokol majlis.

6.2.7 Bagi graduan bukan beragama Islam dibenarkan berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak

berbelah dan tidak terdedah. Baju mestilah berlengan dan sekiranya memakai **skirt** hendaklah labuh melepasi **di bawah paras lutut**.



Gambar 2 : Rupa diri, pakaian dan rambut graduan wanita (tudung warna putih/cream dan kasut bertumit bertutup)



Gambar 3 : jenis kasut graduan yang tidak dibenarkan

6.3 Kasut

- 6.3.1 Graduan hendaklah memakai kasut yang bersih dan bersesuaian (bahagian depan kaki bertutup), **sandal, capal atau** kasut jenis **sukan** tidak dibenarkan sama sekali.
- 6.3.2 Penggunaan kasut kulit berwarna hitam atau gelap amat digalakkan.

7. URUSAN JUBAH

7.1 Peminjaman Jubah

- 7.1.1 Salinan slip bayaran Bank Islam perlu ditunjukkan kepada Urusetia Jubah semasa peminjaman dibuat.
- 7.1.2 Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

JABATAN	TARIKH	MASA	TEMPAT
JPH	18 Mac 2022 (Jumaat)	8.30 pagi - 12.30 tgh	PERPUSTAKAAN PIS
JKM	19 Mac 2022 (Sabtu)		
JKE	20 Mac 2022 (Ahad)		
JRKV	21 Mac 2022 (Isnin)		

Nota : Pengambilan jubah setelah graduan selesai proses pendaftaran.

7.2 Pemulangan Jubah

- 7.2.1 Jubah hendaklah dipulangkan sebaik sahaja Majlis Konvokesyen selesai.
- 7.2.2 Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan Ijazah Sarjana Muda /Diploma/ Sijil ditahan oleh Unit Peperiksaan.
- 7.2.3 Jubah yang **hilang atau rosak** akan dikenakan bayaran ganti rugi sebanyak **RM250.00** setiap satu.
- 7.2.4 Waktu pemulangan jubah adalah seperti di bawah :-

JABATAN	TARIKH	WAKTU PEMULANGAN	TEMPAT
JPH	19 Mac 2022 (Sabtu)	Sesi pagi 12.30 tgh hr Sesi petang 4.30 ptg	PERPUSTAKAAN PIS
JKM	20 Mac 2022 (Ahad)		
JKE	21 Mac 2022 (Isnin)		
JRKV	22 Mac 2022 (Selesa)		

Nota : Pemulangan jubah boleh dilakukan setelah graduan selesai Sidang konvo.

8. PENGAMBILAN DIPLOMA DAN SIJIL

8.1 Graduan boleh menuntut Transkrip/Sijil masing-masing sebaik sahaja Majlis Konvokesyen berakhir dan membuat pengesahan pemulangan jubah.

8.2 Transkrip/Sijil yang tidak dituntut akan disimpan oleh Unit Peperiksaan PIS. Sebarang tuntutan Transkrip/Sijil selepas Majlis Konvokesyen hendaklah dibuat di UNIT PEPERIKSAAN PIS. Sila hubungi 07-261 1051 / 261 2016 / 261 1081.

9. PAS MASUK KENDERAAN

9.1 Hanya ***Satu Pas Masuk Kenderaan*** diberikan. Kenderaan yang mempamerkan Pas Masuk sahaja dibenarkan memasuki kawasan meletak kenderaan di kawasan **POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN** atau tempat khas yang disediakan.

9.2 Sila pameran pas masuk kenderaan pada cermin hadapan kenderaan masing-masing semasa raptai dan Hari Majlis Konvokesyen.

10. TEMPAT LETAK KENDERAAN

10.1 Graduan, ibubapa atau penjaga hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kenderaan yang telah disediakan.

10.2 Sila patuhi arahan petugas lalulintas / pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengelak kesesakan lalulintas.

11. PAS MASUK MAJLIS KONVOKESYEN

- 11.1 Disebabkan tempat yang terhad dan bilangan graduan yang ramai, hanya satu **(1) keping pas masuk** ke dewan diberikan untuk kebenaran masuk bagi **dua (2) orang dewasa** sahaja.
- 11.2 Ibu bapa atau penjaga diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing **sebelum jam 7.50 pagi** (sesi pagi) atau **jam 2.00 petang** (sesi petang) pada hari majlis konvokesyen.
- 11.3 **Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak digalakkan hadir bagi mengekang wabak COVID-19.**
- 11.4 Pas masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas. Pihak PIS memohon maaf sekiranya terdapat ibubapa atau penjaga yang tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan kerana tempat adalah terhad.
- 11.5 Ibubapa atau penjaga perlu berpakaian kemas dan sopan bersesuaian dengan majlis rasmi.
- 11.6 Mohon kerjasama ibubapa atau penjaga agar **tidak meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.**

12. SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)

- 12.1 Pihak PIS menyediakan perkhidmatan fotografi semasa Majlis Konvokesyen berlangsung.
- 12.2 Syarikat luar telah diberikan tanggungjawab mengambil gambar

graduan semasa menerima skrol Ijazah Sarjana Muda / Diploma /Sijil dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.

- 12.3 Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu **di larang** mengambil gambar di dalam atau di luar dewan bagi memastikan kelancaran majlis.

13. BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

- 13.1 Pihak PIS tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barangan peribadi.
- 13.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya ***tidak membawa masuk*** ke dalam dewan seperti **makanan, minuman atau barangan persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen** seperti *beg, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik* dan sebagainya.
- 13.3 Sila matikan atau tukar kepada **Mod Senyap (Silent Mode)** sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit , *“tablet”* dan lain-lain.

14. KUASA POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

- 14.1 Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama tatacara berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah dilarang atau ditahan daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.
- 14.2 Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan **adalah muktamad.**

14.3 Justeru itu pihak Politeknik Ibrahim Sultan, mohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana- mana pegawai.

15. PERTUBUHAN ALUMNI PIS.

15.1 Pertubuhan ini ditubuhkan bagi membentuk jaringan perhubungan di antara Alumni PIS bersama urusetia PIS dari segi pembangunan, kerjaya, pengalaman dan infrastruktur politeknik.

15.2 Graduan PIS adalah secara automatik menjadi ahli **Alumni** .

15.3 Peranan Pertubuhan Alumni Politeknik Ibrahim Sultan :

- i. Bekerjasama dengan Unit Kajian Pengesanan Pelajar Politeknik KPT dalam mengesan perkembangan status dan kerjaya graduan PIS.
- ii. Membangunkan pangkalan data alumni.
- iii. Menggembeling kepakaran Alumni PIS dalam melahirkan graduan berkualiti serta berdaya saing dari segi pembelajaran dan kerjaya.
- iv. Platform pertemuan di antara graduan PIS.
- v. Mempromosikan graduan PIS melalui rangkaian hubungan dengan industri.
- vi. Menyalurkan maklumat mengenai graduan PIS kepada agensi luar.
- vii. Mewujudkan jalinan bestari di antara Alumni PIS dan Politeknik KPT bagi membantu graduan dalam pemajuan ecemerlangan akademik dan kerjaya.
- viii. Menyediakan berita-berita aktiviti persatuan Alumni.

16. PENGINAPAN

Penginapan di sepanjang konvokesyen adalah tanggungjawab graduan.
Pihak Politeknik Ibrahim Sultan tidak menyediakan sebarang penginapan.

17. HAL-HAL LAIN

Sila hubungi jika terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan urusan berikut:-

- a. Jawatankuasa Pengurusan Graduan
07-261 2060 / 261 1070
Email : piskonvo@gmail.com
- b. Jawatankuasa ALUMI PIS
Pn. Zuraida binti Osman (07– 261 2803)

Sebarang urusan surat menyurat, sila hantarkan kepada alamat berikut :

**Pengarah,
Politeknik Ibrahim Sultan,
KM 10 Jalan Kong Kong,
81700 Pasir Gudang,
Johor Darul Takzim.
(u.p : JK Pengurusan Graduan)**

Sila rujuk halaman portal rasmi Politeknik Ibrahim Sultan di www.pis.edu.my/konvo jika terdapat sebarang perubahan atau makluman terkini.

“TAHNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA”